



---

**SURAT PEKELILING KEWANGAN  
BILANGAN 13 TAHUN 2021**

---

**PELAKSANAAN PEMAKAIAN PESANAN TEMPATAN  
FORMAT BAHARU MULAI 1 OKTOBER 2021 DI  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM).**

**Pejabat Bendahari**

14 September 2021

**Disalinkan kepada:**

Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)  
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)  
Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)  
Pegawai-Pegawai Kanan

# UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.03.04.01/100-3/3/2 Jld. 11 (13)

14 September 2021

## SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL. 13/2021

### PELAKSANAAN PEMAKAIAN PESANAN TEMPATAN FORMAT BAHARU MULAI 1 OKTOBER 2021 DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)

#### 1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling Kewangan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan tentang Pelaksanaan Pemakaian Pesanan Tempatan Format Baharu Mulai 1 Oktober 2021 Di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

#### 2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Bab D – Pentadbiran Kontrak Dalam Perolehan Bekalan dan Perkhidmatan Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Bahagian Pengurusan Perolehan Universiti (PU), Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti (PKPU) menyatakan Pesanan Tempatan ialah pesanan rasmi yang dikeluarkan kepada pembekal berasaskan kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam dokumen sebut harga atau tender, syarat-syarat yang telah dipersetujui di dalam surat niat dan syarat-syarat lain yang telah dipersetujui.
- 2.2 Pesanan Tempatan sedia ada dicetak menggunakan kertas *Computer Form 4ply NCR* yang akan dicetak menggunakan *Dot Matrix Printer*.
- 2.3 Setiap Pesanan Tempatan yang dikeluarkan mempunyai lampiran seperti berikut:
  - 2.3.1 Pesanan Tempatan (Warna Kuning).
  - 2.3.2 Pesanan Tempatan (Warna Merah).

2.3.3 Pesanan Tempatan (Warna Biru).

2.3.4 Pesanan Tempatan (Warna Putih).

### **3.0 PELAKSANAAN PESANAN TEMPATAN BARU**

3.1 Selaras dengan perkembangan teknologi dan pemakaian diperingkat Kementerian, pesanan tempatan kini hanya dicetak terus pada kertas A4.

3.2 Pemakaian format baharu bagi pesanan tempatan ini akan dilaksanakan secara berperingkat di Universiti seperti berikut:

3.2.1 Unit Perolehan, Pejabat Bendahari bermula 1 Oktober 2021.

3.2.2 Zon Kewangan, Pejabat Bendahari bermula pada 1 Januari 2022.

3.3 Bermula pada 1 Januari 2022, semua pesanan tempatan format lama yang tidak digunakan perlu dikembalikan oleh Zon Kewangan kepada Unit Perolehan bagi tujuan pelupusan.

3.4 Pesanan Tempatan disediakan dalam empat salinan seperti berikut:

3.4.1 Salinan Pertama - dilampirkan dalam dokumen bayaran.

3.4.2 Salinan Kedua – simpanan petender/pembekal.

3.4.3 Salinan Ketiga – simpanan Unit Perolehan.

3.4.4 Salinan Keempat – simpanan PTj.

3.5 Kehilangan Pesanan Tempatan.

3.5.1 Prosedur dan tatacara adalah kekal seperti dinyatakan dalam para 3.5 Bab D, Pengurusan Perolehan Universiti (PU), Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti (PKPU).

### 3.6 Pelarasan Pesanan Tempatan.

3.6.1 Prosedur dan tatacara adalah kekal seperti dinyatakan dalam para 3.6.5, 3.6.6 dan 3.6.7 Bab D, Pengurusan Perolehan Universiti (PU), Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti (PKPU).

### 3.7 Pembatalan Pesanan Tempatan.

3.7.1 Prosedur dan tatacara adalah kekal seperti dinyatakan dalam para 3.7.1 dan 3.7.2 Bab D, Pengurusan Perolehan Universiti (PU), Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti (PKPU).

3.7.2 Pindaan pada para 3.7.3 Bab D, Pengurusan Perolehan Universiti (PU), Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti (PKPU) seperti berikut "Borang Pesanan Tempatan yang dibatalkan, perlu dituliskan perkataan 'BATAL' dan dihantar ke Pejabat Bendahari untuk difailkan. Sesalinan Pesanan Tempatan yang dibatalkan juga perlu difailkan di PTj/Zon Kewangan".

## 4.0 PEMBATALAN

### 4.1 Pembatalan pada para berikut:

4.1.1 Para 3.3.4 Bab D, Pengurusan Perolehan Universiti (PU), Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti (PKPU).

4.1.2 Para 3.7.3 Bab D, Pengurusan Perolehan Universiti (PU), Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti (PKPU).

## 5.0 PEMAKAIAN

Surat Pekeliling Kewangan ini adalah berkuat kuasa mulai 1 Oktober 2021.

Segala kerjasama yang diberikan oleh YBhg. Datuk/Dato'/Profesor/Profesor Madya/Dr./  
Tuan/Puan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, harap maklum.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”**

Saya yang menurut amanah,



**KHAIRUL BIN TAIB**

Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

kaat/Surat Pekeliling Kewangan/2021